

No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/1(28)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 28 TAHUN 2011**

**PEMANJANGAN PEMBERIAN PINDAHAN DAN
ELAUN / BAYARAN KEPADA WARIS PEGAWAI YANG
MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar
22 Jun 2011

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/1(28)

22 JUN 2011

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 28/2011

PEMANJANGAN PEMBERIAN PINDAHAN DAN ELAUN / BAYARAN KEPADA WARIS PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan Universiti atas perakuan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2011 yang bersidang pada 24 Mei 2011 untuk menerima pakai Surat Edaran JPA(SARAAN)(S)223/8/2-2 Klt.3(47) bertarikh 30 September 2010 berhubung Pemanjangan Pemberian Pindahan Dan Elaun / Bayaran Kepada Waris Pegawai (gemulah) Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk kepada Perintah Am 38 Bab B, Kerajaan memperuntukkan bahawa seseorang pegawai yang telah memberi perkhidmatan yang sempurna dan bersara mengikut keadaan biasa atau atas syor sebuah Lembaga Perubatan boleh diberi pemberian pindahan dan lain-lain elaun biasa yang boleh dituntut oleh seorang pegawai yang bertukar bagi diri dan keluarganya dari tempat akhir ia berkhidmat ke tempat yang dipilihnya untuk bersara atau di mana-mana sahaja dalam Malaysia.

2.2 Kini, Kerajaan telah menambah baik peruntukan berkenaan dengan memanjangkan peruntukan di bawah Perintah Am 38 Bab B kepada waris pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

3.0 DASAR BARU

3.1 Dengan merujuk kepada surat edaran JPA(SARAAN)(S)223/8/2-2 Klt. 3 (47) dan Perintah Am 38 Bab B kemudahan yang dipanjangkan kepada waris pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah seperti berikut:

a. Pemberian Pindahan

- Bayaran berbentuk *lump sump* diberi berdasarkan gred dan status pegawai sama ada masih bujang atau berkeluarga.

b. Tambang Pengangkutan Awam / Elaun Perjalanan Kenderaan

- Tambang Pengangkutan Awam dibayar mengikut kelayakan pegawai manakala Elaun Perjalanan Kenderaan dibayar mengikut jarak perjalanan sebenar.

c. Tambang Pengangkutan Barang

- Tambang Pengangkutan Barang dibayar di atas kadar penuh mengikut peraturan dan syarat semasa yang ditetapkan.

3.2 Waris gemulah hanya boleh menuntut kemudahan ini sekali sahaja bagi tujuan perpindahan ke tempat asal setelah kematian gemulah.

4.0 PELAKSANAAN

Pekeliling Pentadbiran ini hendaklah dibaca bersama dengan JPA(SARAAN)(S)223/8/2-2 Klt. 3 (47). Salinan surat edaran tersebut boleh dirujuk di laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) di alamat <http://www.jpa.gov.my>.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **30 September 2010**.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/ukp